

APLIKASI TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU DALAM MENJARAS RIBUT MENERUSI PENDEKATAN DAKWAH

JUMALI HJ. SELAMAT

ABSTRAK

Makalah ini menumpukan penganalisisan karya remaja yang melihat kehidupan manusia dan lingkungan sosialnya serta ketakwaannya kepada Allah. Analisis berdasarkan teks novel remaja yang berjudul Menjaras Ribut karya Darma Muhammad menerusi Pendekatan Dakwah. Pendekatan ini adalah kaedah yang digunakan bagi melihat perkembangan Islam dan wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan insan kepada Allah. Fokus kajian adalah persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah dan Islam. Hasil kajian mendapati persoalan agama seperti kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam terpancar dalam karya. Novel ini mampu menjadi alat untuk mengembangkan nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis yang membawa kebaikan kepada pembangunan manusia. Kajian juga mendapati fenomena remaja yang melibatkan hubungan sesama manusia dan dengan alam persekitarannya.

Kata kunci : teori, agama, dakwah, ketakwaan, remaja.

ABSTRACT

This article focuses on analysis of adolescence novel which look up on their life and social environment and also their piety to Allah. The analysis was based on Menjaras Ribut text written by Darma Mohamad through preaching approach. This approach is a method used to observe Islamic development and preaching values that closer to Allah. This study focused on issue to the relation almighty Allah and Islam. The result showed that religion issue such as religious freedom, indoctrinated Islamic value, Islamic preaching and Islamic truth in the novel. This novel can be used as a tool to develop Islamic values based on al-Quran and hadith which bring goodness and advancement. This

result was also found adolescence phenomenon which involved the relationship among human and with their environment.

Key words : *theory, religion, preaching, piety, adolescence*

PENGENALAN

Penghasilan sesebuah karya merupakan luahan fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang diadun bersama pengalaman melalui daya kreativiti dan imajinasinya. Karya adalah manifestasi kesenian yang dihasilkan menerusi media bahasa yang kreatif lagi indah dan melaluinya dapat memberi peluang kepada khalayak untuk menikmati kehalusan dan keindahannya (Khatijah, 1987). Kadang kala dalam sebuah karya tidak semestinya segala persoalan yang diungkapkan sama dengan realiti dalam masyarakat. Umar Junus (1989) menjelaskan realiti yang digambarkan bukanlah sesuatu yang berdiri sendiri dan sah tetapi realiti bergantung kepada ‘penglihatan’ atau imaginasi pengarangnya yang akan menjadi lebih indah atau sebaliknya. Justeru, setiap karya yang bertanggungjawab akan mendasari aspek-aspek tertentu tentang keperihalisan kemanusiaan, baik secara langsung mahupun secara tersirat dan berlapisan maknanya (Shahnon Ahmad, 1994).

Hasil karya tidak tercipta dalam kekosongan, ini bermakna sastera bukan hasil seseorang pengarang sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah hakikatnya pengarang juga terikat dengan ruang dan waktu serta bertanggungjawab terhadap masyarakatnya (Scott, 1972). Pengarang turut berusaha untuk memahami lingkungan sosialnya dan mengkaji tindak balas dengan alam persekitarannya. Sementara itu, kelompok pembaca juga berusaha memahami dan menyatakan erti yang dimaksudkan oleh pengarang melalui karya (Sugihastuti, 2002). Oleh itu, gabungan antara karya, pengarang dan pembaca menjadikan perkembangan dunia sastera semakin menarik seiring dengan kemajuan sains dan teknologi yang semakin meningkat.

Kehidupan masyarakat yang pelbagai bentuk dan ragam menjadi ilham pengarang untuk berkarya. Begitu juga dengan karya remaja yang dicipta bertujuan untuk memenuhi cita rasa dan aspirasi kelompok remaja. Hubungan karya dengan remaja memang tidak dapat dipisahkan


kerana kedua-duanya saling bergantung dan melengkapinya antara satu sama lain. Justeru, apa yang terhasil dalam karya remaja dengan sendirinya merupakan pengucapan fenomena sosial yang sekaligus menggambarkan corak kehidupan dalam sesebuah masyarakat.

Bagaimanapun, dalam era pascamoden ini dengan kemajuan teknologi yang semakin canggih dan digabungkan dengan gagasan pemikiran serta pendekatan yang digunakan mampu untuk membicarakan hasil kesusasteraan remaja secara ampuh dan jelas. Hasil penemuan ini, pelbagai teori dan pendekatan yang diterapkan banyak memberi manfaat kepada para pengkaji dan peneliti yang mahu melakukan penyelidikan yang menyentuh sosial masyarakatnya. Salah satu teori yang boleh digunakan untuk melihat sosial kehidupan remaja ialah dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Fokus kajian adalah persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah dan Islam. Melalui kajian ini, pengkaji cuba menganalisis persoalan agama yang membicarakan aspek kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai murni, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam menerusi pendekatan dakwah.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu telah dicetuskan oleh Hashim Awang (1994b) seorang sarjana dan pengkritik yang terkenal di tanah air. Teori ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 dan dikemukakan berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Alam dijadikan faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Semua unsur ini dilihat memiliki fungsi dan kemanfaatan yang khusus dalam kehidupan. Teori ini dianggap amat bermakna, bersesuaian dan mampu menganalisis karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh para penulis terutama pengkarya tempatan. Muhammad Haji Salleh (2008) menegaskan bahawa konsep keindahan bahasa pasti dipinjam dan

dipupuk oleh bangsa yang menciptakan melalui waktu dan berubah mengikut perjalanan waktu. Secara ringkas teori Pengkaedahan Melayu yang dibincangkan dapat dilihat seperti dalam Rajah 1.



**Rajah 1 : Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu
(Diubahsuai daripada Hashim Awang, 1994b)**

Dalam usaha menerapkan teori dalam kajian kesusasteraan Melayu, teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah berteraskan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Melalui pengkaedahan ini, ia dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat.

Pengkaedahan Keagamaan pula ditakrifkan sebagai pendekatan yang berteraskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersendikan akidah agama Islam. Bahan rujukan utamanya ialah al-Quran dan hadis, dan pembentukannya bertujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Pengkaedahan ini terbahagi kepada tiga iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni yang saling berkait antara satu sama lain.

Melalui pendekatan dakwah sastera dilihat sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah. Pendekatan ini berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam melalui nilai kemurnian dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan. Hashim Awang (1994a)

menegaskan sastra dalam tanggapan kudus sewajarnya mengandung persoalan-persoalan yang memaparkan sifat-sifat keindahan, kemuliaan dan ketinggian Allah.

Melalui paparan permasalahan dan pergolakan masyarakat dalam karya juga akan memberi keindahan, makna kesenian dan kebaikan. Bagaimanapun, keindahan tidak akan memberi sebarang erti jika tidak membawa kebaikan kepada manusia. Begitu juga sebaliknya, kebaikan tidak akan bermakna jika tidak memancarkan keindahan. Nilai keindahan dan kemaknaan dalam setiap karya khususnya kesusasteraan yang berunsur Islam akan memancarkan keistimewaan dan ketinggian serta keagungan Allah (Hashim Awang, 1995).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Pendekatan Dakwah yang melihat hubungan sastra dengan masyarakat dan alam sekitarnya telah digunakan dalam kajian (Hashim Awang, 1991). Hubungan ini dapat memperkukuhkan unsur realiti dalam karya dengan kehidupan manusia yang berkait rapat dengan alam. Elizabeth dan Tom Burns (1973) menjelaskan terdapat hubungan sastra dengan masyarakat di luarnya untuk memahami tingkah laku dan kehidupannya melalui pancaindera dan kematangan berfikir. Karya dianalisis untuk melihat hubungannya dengan realiti kehidupan yang melibatkan aspek keagamaan seperti kebebasan beragama, penerapan nilai Islam dan gerakan pendakwaan yang mencari kebenaran Islam dalam kehidupan manusia sejangat.

Pendekatan dakwah yang dibincangkan bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat yang mendasari keimanan serta bersendikan akidah Islam. Melalui novel *Menjaras Ribut* (DBP, 1993) didapati memiliki ciri-ciri dan sifat-sifat yang dapat memenuhi keperluan pendekatan ini. Hal ini jelas terlihat melalui usaha untuk memperkembangkan keunggulan Islam dan keagungan Allah. Justeru, aspek keagamaan yang digarapkan oleh pengarang dalam karya bersesuaian dengan pendekatan dakwah dan hubungannya dengan nilai ketakwaan, keindahan dan kemuliaan yang menjadi asas pendekatan ini.

HASIL ANALISIS

Novel Menjaras Ribut mengisahkan seorang anak muda bernama Arif yang bercita-cita tinggi untuk membela nasib bangsanya, telah berusaha mendalami ilmu agama di sebuah sekolah pondok. Dia sanggup berkorban masa, tenaga dan fikiran untuk mengajar anak-anak muda kampungnya yang serba ketinggalan. Usaha dan ketokohan Arif mendapat sanjungan daripada Pak Imam dan penduduk Kampung Riak-Riak. Dia dipandang sebagai anak muda yang boleh dijadikan contoh teladan kepada masyarakat kampungnya baik dari segi kesedarannya untuk menambah ilmu mahupun dalam usahanya meningkatkan taraf kehidupan. Bagaimanapun, untuk mencapai cita-citanya, dia terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan sama ada daripada rakan-rakan sebaya atau golongan tua yang tidak senang dengan kehadirannya yang ingin membawa perubahan.

Setiap manusia mahukan kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat. Untuk mencapai kesempurnaan hidup undang-undang atau peraturan dicipta bagi memperbetul tingkah laku, mengatur perjalanan dan mengawal arah kehidupan manusia. Dalam menjalani kehidupan, manusia juga memerlukan kepercayaan beragama atau pegangan untuk mencapai kesempurnaan. Dalam hal ini, Rahmat (1990) menjelaskan agama adalah keyakinan manusia kepada alam ghaib dan menuntut para pengikutnya mematuhi peraturan yang dilahirkan. Secara khusus Haron Din (1990) menegaskan agama ialah kepercayaan yang qudus, menyatakan diri pada hubungan dalam bentuk upacara, penyembahan dan permohonan, dan membentuk sikap hidup berdasarkan ajaran tertentu. Oleh itu, agama ialah kepercayaan kepada Tuhan dan mengakui sifat-sifat serta kekuasaan-Nya atau kepercayaan kepada sesuatu yang dipuja dan dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa.

Sehubungan itu, kelahiran agama Islam sebagai 'ad-din' bukanlah dari hasil usaha manusia tetapi semata-mata daripada kehendak Allah (Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, 1982). Islam merupakan agama suci yang membawa sinar dan menerangi manusia daripada kegelapan yang diturunkan oleh Allah (SWT) kepada Nabi Muhammad (SAW). Menurut Afif (1983) Islam berasal daripada perkataan 'aslama', jika diteliti dari sudut bahasa membawa maksud; "terlepas dan jauh daripada keburukan atau kekurangan lahir dan batin, aman dan damai, serta taat dan setia". Justeru, Islam merupakan agama yang membawa

sinar untuk menerangi manusia daripada kegelapan dan membimbing ke jalan kebenaran yang membawa kebaikan, keamanan, kesejahteraan dan kepatuhan serta penyerahan diri kepada Allah(SWT).

Kebebasan Beragama

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia mengamalkan dasar kebebasan beragama di kalangan rakyatnya. Secara khusus hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan terdapat dalam Bahagian dua Perkara 11 yang menjelaskan;

1. Tiap-tiap orang adalah berhak menganut dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal 4, mengembangkan agamanya.
2. Tiada sesiapaupun yang boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika pendapatan daripada cukai itu adalah diuntukkan khas sama ada kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.
3. Tiap-tiap kumpulan agama berhak;
 - a. mengurus hal ehwal agamanya sendiri
 - b. menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat, dan;
 - c. memperoleh dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

(Dasar-dasar Baru Kerajaan, 1987)

Huraian ini, menjelaskan hak kebebasan beragama bagi setiap individu adalah dilindungi oleh Perlembagaan dan undang-undang negara. Kebebasan yang diamalkan membolehkan setiap individu atau anggota masyarakat membuat pilihan dan mengamalkan agamanya sendiri asalkan tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan. Ini selaras dengan perakuan dalam Perlembagaan Malaysia Bab 1 Fasal 3 Ceraian (1) yang telah dipinda pada 1 Mac 1964 menyebut, Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh juga diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana dalam Persekutuan. Bagaimanapun, kebebasan agama ini terhad kepada undang-undang awam mengenai keamanan, kesihatan dan akhlak awam (Mohd. Jamil Mukmin, 1991).

Hak kebebasan beragama yang terungkap dalam novel *Menjaras Ribu* mencerminkan kehidupan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, keturunan dan bebas mengamalkan kepercayaan agama yang berbeza. Walaupun berlainan kepercayaan dan budaya tetapi mereka dapat bergaul dan hidup mesra kerana pada asasnya setiap agama menuntut penganutnya berbaik-baik dan menghormati antara satu sama lain. Ini sesuai dengan prinsip kebebasan beragama seperti yang tercatat dalam Rukun Negara yang menjelaskan setiap agama dan kepercayaan boleh diamalkan dengan aman dan tenteram, dan tindakan membeza-bezakan seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang (Rukun Negara, 1987). Kita dapat melihat prinsip kebebasan beragama melalui perbualan antara Arif dengan Mahmud tentang niat Thip Lai untuk memeluk Islam. Seperti katanya;

“...jangan kau paksa dia. Islam tidak perlu dipaksa. Orang memeluk Islam kerana dia melihat kebaikan agama Islam. Tidak ada paksaan dalam memilih agama,” kata Arif. “Aku tidak paksa dia peluk Islam. Tidak sama sekali,” kata Mahmud, “aku hanya hendak memperkenalkan kebaikan Islam.” (hlm.165).

Ungkapan tiada paksaan dalam beragama menyebabkan Thip Lai anak gadis berketurunan Siam yang genap usianya 18 tahun telah memilih Islam sebagai agama anutannya. Kesediaan dan kesanggupannya terpapar melalui pengakuan yang dilakukan dengan penuh kerelaan sendiri tanpa ada sesiapa yang memaksanya. Seperti katanya;

“Tidak! Mahmud tak paksa saya peluk Islam”,... “Ia datang dari dalam hati saya sendiri. Tak ada orang paksa. Saya selalu fikir tentang kejadian alam ini. Kawan-kawan saya yang beragama Islam selalu cerita tentang Allah. Saya tertarik kepada huraian mereka”, jelas Thai Lai (hlm. 206-207).

Soal kebebasan beragama yang diadun sama ada secara tersurat dan tersirat dalam karya ini sesuai dengan firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat :256 yang bermaksud “tidak ada paksaan dalam memeluk

agama Islam, sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat". Ayat ini memperlihatkan bahawa keputusan yang diambil oleh Thip Lai adalah atas kerelaannya sendiri setelah menyedari hak memilih agama tidak boleh dilakukan melalui paksaan, ugutan atau kekerasan. Keputusan yang diambil memaparkan kemampuan watak-watak remaja dalam membuat keputusan yang tepat dan berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kehidupan masyarakat setempat. Manakala, kesediaan individu dan masyarakat sekitarnya yang sanggup menerima dan menghormati agama, kepercayaan dan amalan budaya anggota lain yang membolehkan mereka mengecapi hidup aman damai. Justeru, prinsip kebebasan beragama ini amat sesuai dengan pendekatan dakwah yang memperlihatkan makna keindahan dan kemuliaan serta nilai ketakwaan menurut etika Islam.

Penerapan Nilai Islam

Penerapan nilai-nilai Islam yang dibicarakan ini sejajar dengan keperluan negara yang bertujuan membentuk personaliti, sahsiah dan memupuk generasi muda seperti pelajar universiti dengan nilai budaya murni yang menjadi amalan dalam kehidupan sejagat. Usaha menyemai nilai murni dalam masyarakat dapat dilaksanakan dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan. Menurut Hasan Langgulung (1981) terdapat empat fungsi penerapan nilai Islam. Pertama, menyiapkan generasi muda untuk memegang peranan tertentu dalam masyarakat pada masa depan. Ini terlihat menerusi watak Jihadi ayah Arif yang digambarkan sebagai ketua keluarga yang menyedari Islam merupakan satu-satunya jalan untuk mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat. Atas kesedarannya itu, dia menghantar anaknya Arif belajar dan mendalami ilmu agama di sekolah pondok serta berharap suatu hari nanti anaknya akan membawa sinar perubahan dalam hidupnya. Begitu juga dengan Pak Su Razak yang sedar betapa pentingnya penguasaan ilmu untuk menyiapkan diri anak-anak supaya berjaya dalam kehidupannya. Dia sanggup melepaskan Hasnah anak perempuannya untuk menuntut ilmu, walaupun pada ketika itu memberi kebenaran kepada anak perempuan untuk belajar adalah sesuatu yang luar biasa. Kesanggupannya dapat dilihat semasa perbualannya bersama Arif.

Dia bangga benar dengan sikap Pak Su Razak yang rela melepaskan anaknya belajar. Pak Su Razak tidak seperti beberapa orang kampungnya yang tidak berhajat untuk memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka. Sikap Pak Su Razak patut menjadi contoh kepada bapa-bapa lain. (hlm. 64)

Kedua, memindahkan ilmu pengetahuan yang berkaitan daripada generasi tua kepada generasi muda. Dalam bidang ilmu, Islam mewajibkan setiap umatnya sama ada lelaki atau perempuan menuntut ilmu dengan tidak membeza-bezakan antara yang kaya dan miskin. Banyak ayat al-Quran yang menunjukkan keutamaan dan kepentingan menuntut ilmu kerana Islam memandang tinggi orang yang berilmu pengetahuan seperti dalam surah an-Nisa ayat:83, al-Faathir ayat:28, al-Mujadalah ayat:11, dan surah az-Zumar ayat:9. Sementara, Ghazali Darussalam (1997) menjelaskan Allah akan mengangkat dan meninggikan darjat orang yang soleh dan berilmu serta meletakkan di tempat yang mulia.

Sesungguhnya ilmu amat penting untuk membina generasi muda yang mantap dan berkemampuan meneruskan kehidupan yang lebih mencabar. Bagi mencapai matlamat tersebut, tugas ini bukan sahaja dipikul oleh Tuk Kweng dan Pak Imam yang bertanggungjawab menjaga keharmonian dan kesejahteraan penduduk kampung, tetapi juga dedikasi Haji Jamil yang mewakili golongan tua untuk menyampaikan ilmu di sekolah pondok tempat Arif belajar. Ketekunan dan kesungguhan Haji Jamil dapat dilihat menerusi kesanggupannya mengajar anak-anak muridnya dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Untuk menyampai dan memindahkan ilmu pengetahuan kepada generasi muda dia sering mengajar perkara yang menyentuh kepentingan ilmu pengetahuan dan keperluan menuntut ilmu yang menjadi asas pembangunan ummah. Ini dapat dilihat seperti petikan berikut;

...Haji Jamil sering mengajar tafsir al-Quran dan hadis. Semasa dia belajar itu, Haji Jamil menyentuh tentang pentingnya ilmu. Ilmu penting untuk kejayaan dunia dan akhirat. Haji Jamil selalu menghurai pengertian ayat 9 surah az-Zumar, yang bermaksud “adakah sama, orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu.” (hlm.10)

Ketiga, memindahkan nilai-nilai murni untuk memelihara keutuhan dan kesatuan masyarakat bagi menjamin kelangsungan hidup (survival) dan membina tamadun bangsa. Bagi membentuk peribadi dan budi pekerti mulia seseorang itu harus menumpukan usaha ke arah kesempurnaan akhlak dan moral seperti yang dituntut oleh Islam. Bagaimanapun, pembentukannya harus diselaraskan dengan pertumbuhan fizikal dan perkembangan jiwa remaja. Oleh itu, apabila memperkatakan tentang pemindahan nilai-nilai murni, ia sering dikaitkan dengan pemupukan budi pekerti dan akhlak dalam masyarakat yang menjadi asas pembentukan tamadun bangsa.

Peranan ini dapat dilihat menerusi ayah Arif iaitu Jihadi, Pak Su Razak ayah Hasnah, Tuk Kweng, Pak Imam dan Haji Jamil guru sekolah pondok serta beberapa penduduk kampung yang menyedari pentingnya golongan muda didedahkan dengan nilai-nilai murni untuk melahirkan generasi muda atau remaja yang berjiwa murni, berakal budi dan berakhlak mulia. Mereka sependapat untuk melaksanakan tuntutan mulia ini, peranan utama perlu didukung oleh keluarga, rakan sebaya dan masyarakat seluruhnya dengan menonjolkan ciri-ciri kemuliaan dan kemurnian seperti nilai baik hati, berdikari, hemah-tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental dan fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat serta bertawakal untuk mencapai kesejahteraan seperti yang dituntut oleh Islam.

Keempat, mendidik dan beramal untuk kepentingan dunia dan akhirat. Atas rasa keinsafan dan kesedarannya Arif telah membuka kelas belajar menulis, membaca dan mengaji Quran di masjid untuk anak-anak muda kampungnya setelah mendapat keizinan daripada Tuk Kweng dan Pak Imam. Dia sering mengingatkan anak muridnya tentang kepentingan menguasai ilmu untuk memajukan diri dan meningkatkan taraf kehidupan serta menyuruhnya agar rajin belajar dan membaca al-Quran, taat kepada ibu bapa, tidak mengabaikan sembahyang serta tidak melakukan apa yang dilarang. Dia turut menasihati supaya melakukan kerja yang berfaedah serta menjauhkan diri daripada perbuatan mungkar. Seperti katanya;

“...Adik-adik jangan berlaga ayam. Ayam itu makhluk Allah juga. Berdosa kita menyakiti ayam, walaupun ayam

itu berlaga sesama sendiri...” “Kalau adik nak bermain, lebih baik main gasing. Adik juga boleh main coh atau gelek para. Tapi adik jangan bertaruh...” hurai Arif kepada kanak-kanak itu. (hlm 16-17).

Kesungguhan dan pengorbanan Arif mendapat balasan yang setimpal apabila ada di kalangan muridnya yang cerdas dan pintar telah berpeluang meneruskan pelajarannya di sekolah pondok. Arif juga berbangga kerana usahanya tidak sia-sia dan ilmu yang disampaikan telah diamalkan sehingga angin perubahan mula tersebar ke seluruh Kampung Riak-Riak. Apa yang dilakukannya sesuai dengan firman Allah dalam surah al-Qasas ayat:77 yang bermaksud “carilah kelebihan yang Allah kurniakan kepada kamu atas nikmat di dunia untuk kebaikan akhirat dan jangan lupa habuan atau bahagian kamu di dunia”. Justeru, unsur penerapan nilai-nilai Islam ini menuntut supaya setiap manusia berusaha bersungguh-sungguh, rajin, jujur dan amanah untuk meningkatkan taraf kehidupan yang bersesuaian dengan tuntutan dan ajaran Islam tanpa mengeneipkan kehidupan di akhirat.

Dakwah Islamiah

Dakwah merupakan kegiatan menyeru, membimbing dan meyakinkan untuk mempengaruhi orang lain supaya mengamalkan ajaran agama yang sebenar. Islam menegaskan dakwah adalah suatu kegiatan atau aktiviti yang dijalankan untuk menyeru umat manusia mengakui kebesaran dan keesaan Allah. Suruhan ini sesuai dengan firman Allah dalam surah at-Taubah ayat:22 yang bermaksud “hendaklah ada di antara kamu orang yang mendalami ilmu agama, mudah-mudahan mereka dapat menjauhkan diri daripada larangan Allah.” Sementara, keutamaan dan kepentingan dakwah Islamiah pula terdapat dalam surah al-Imran ayat:113 bermaksud; “dan hendaklah ada di antara kamu segolongan ‘umat’ yang menyeru kepada kebajikan dan mencegah kemungkaran”. Ayat ini menjelaskan, ‘umat’ bererti jemaah atau golongan yang menjalankan tanggungjawab dan misi dakwah menyeru manusia melakukan perkara yang baik dan mencegah kesesatan.

Dakwah Islamiah dibahagikan kepada dua iaitu dakwah dalam Islam dan dakwah di luar Islam. Dakwah dalam Islam, menuntut agar

setiap Muslim saling ingat-mengingati dan nasihat-menasihati antara satu sama lain untuk memperbaiki kehidupan di dunia dan akhirat. Menurut Dusuki Hj. Ahmad (1980), dakwah dalam Islam bertujuan memperkuat keimanan dan ketakwaan, membanteras kepercayaan karut dan khurafat, memerangi kejahilan dan kemiskinan, memperkukuh ukhwah Islamiah serta menyeru umatnya mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Oleh itu, untuk memperkukuh penghayatan Islam dalam kehidupan manusia dapat dipertingkatkan melalui proses pendakwaan. Bagaimanapun untuk menjadi pendakwah, seseorang itu sewajarnya mempunyai sifat keberanian untuk mengatakan yang benar dan yang salah atau yang hak dan yang bathil. Peristiwa ini terpapar sewaktu perbualan Pak Imam dengan Arif. Seperti katanya;

“...Kau mestilah selalu berkata benar. Kalau sesuatu itu salah, katakan salah. Kalau orang benci kepada kau, apa boleh buat. Menegakkan hukum Allah memang sulit.” Pak Imam bersyarah... Arif sedar pendapat-pendapat Pak Imam sentiasa bernas dan tegas. Pak Imam juga seorang yang kaya dengan ilmu pengetahuan. (hlm.13)

Selanjutnya, persoalan dakwah yang mengajak manusia mengakui keesaan Allah dan Islam sebagai ‘ad-din’ terpapar menerusi watak Arif yang sering menasihati dan mengingatkan Mahmud, Pak Ngah Dolah dan sebilangan kecil penduduk kampung supaya meninggalkan perbuatan mungkar yang menjadi amalannya sejak sekian lama seperti berlaga ayam, laga lembu dan berjudi. Begitu juga dengan tindakan dan perlakuan negatif seperti Samaah, Sidi, Lebai Noh dan Wikritput yang suka bergaduh, mencari kesilapan, merendahkan kemampuan orang lain dan sering melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Arif dan Mahmud yang telah insaf. Bagaimanapun sebagai seorang anak muda yang berpendidikan agama dan berpegang kuat dengan ajaran Islam serta menjadi citra remaja, Arif sanggup memaafkan dan melupakan perbuatan yang mereka lakukan. Tindakannya ini memperlihatkan sifat maaf-memaafi, ingat-mengingati serta nasihat-menasihati akan kebenaran amat dituntut oleh Islam seperti yang ditegaskan dalam surah al-Ashr, ayat 1-3 yang bermaksud; “demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian kecuali orang yang beriman

dan mengerjakan amal soleh dan ingat-mengingati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya bersabar.”

Sementara itu, dakwah di luar Islam bermaksud memperbanyak bilangan umat Islam dan penganutnya yang dilaksanakan melalui pelbagai kegiatan untuk mempengaruhi dan menjadi daya tarikan kepada masyarakat yang memberi manfaat kepada umat manusia seluruhnya. Ini bermakna dakwah Islamiah tidak hanya terbatas di kalangan umat Islam semata-mata, malahan terbuka kepada semua umat manusia di dunia. Untuk mengajak manusia melakukan perkara makruf dan meninggalkan kemungkarannya bukanlah sesuatu yang mudah. Apatah lagi sesuatu amalan atau kepercayaan itu telah menjadi warisan turun-temurun yang sudah sebatian dan menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Justeru, usaha untuk mempengaruhi dan menarik manusia ke jalan kebenaran ialah dengan mengadaptasi prinsip-prinsip dakwah yang mengutamakan nilai kesederhanaan dan kebijaksanaan tanpa adanya unsur paksaan.

Dalam hal ini, para ulamak sependapat mengatakan dakwah untuk golongan bukan Islam boleh dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu pertama, *billisan* (melalui percakapan atau perbualan); kedua, *bilkhitabah* (menerusi pembacaan dan rujukan); dan ketiga, *bilhal* (dengan perlakuan atau tunjuk cara). Peristiwa ini dapat dilihat melalui peranan Arif, rakan-rakan Thip Lai dan penduduk Kampung Melayu yang memberi gambaran bahawa Islam adalah agama sejagat yang memandu umat manusia mencapai kesejahteraan dan kehidupan yang bermakna. Apa yang mereka lakukan merangkumi ketiga-tiga kaedah di atas dan seiring dengan firman Allah dalam surah an-Nahl, ayat:125 bermaksud; “serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah, kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan bacalah dengan cara terbaik.” Seperti kata Thip Lai;

“Saya sudah bergaul lama dengan orang Islam. Sudah tahu tentang kebaikan Islam. Kampung Teresak bukan jauh dengan Kampung Melayu. Kami tinggal berjiran dengan Kampung Melayu,” terang Thip Lai. (hlm. 205-206).

Menerusi penelitian ini, kegiatan berdakwah yang dilakukan secara sederhana, berhemah dan penuh kebijaksanaan akan menarik manusia

melakukan perkara kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Pengarang berjaya mengutarakan kaedah pendakwahan murni menerusi dakwah dalam Islam yang menegakkan konsep saling ingat-mengingati dan nasihat-menasihati agar manusia mampu meningkatkan amal makruf dan meninggalkan kemungkaran. Sementara, dakwah di luar Islam yang mengutamakan kesejagatan harus dilaksanakan secara berhikmah, bijaksana dan penuh kesopanan untuk mencapai kebaikan hidup di dunia dan akhirat. Ini menguatkan lagi pendapat Hashim Awang (1994a) yang mengatakan sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan, kemurnian dan keindahan Islam yang menjadi daya tarikan khalayaknya.

Kebenaran Islam

Islam meliputi keseluruhan kehidupan manusia yang merangkumi bidang ibadat yang berkait dengan soal fardhu ain dan fardhu kifayah, muamalat merangkumi bidang ekonomi, jual beli dan sosial, munakahat menyentuh persoalan kekeluargaan dan perkahwinan dalam Islam, jina-yat berhubung dengan perkara undang-undang dan peraturan, dan jihad yang menyatakan soal pendakwahan serta semua perkara yang berkaitan dengan bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan. Islam mengajar umatnya supaya mengamalkan kesederhanaan dan tidak menggunakan paksaan, ugutan atau pelbagai bentuk kekerasan. Islam menggalakkan umatnya agar sentiasa menghormati penganut dan ajaran agama lain, di samping menyeru umatnya mengamalkan tuntutan agama supaya hidup aman dan makmur.

Usaha memperbanyakkan umat Islam hendaklah dilakukan melalui pelbagai kegiatan yang mencerminkan kemurniaan, keistimewaan dan keunggulan Islam. Pengarang turut memaparkan bagaimana kisah Thai Lai yang mengakui keistimewaan dan keunggulan Islam sehingga mendorongnya untuk memilih dan memeluk Islam. Keinginannya semakin bertambah apabila melihat kemurnian dan keindahan Islam yang memberi keyakinan kepadanya untuk membina suatu kehidupan yang bermatlamat. Keinginannya mendapat sokongan dan bantuan Arif yang sememangnya mengetahui tentang Islam dan banyak memberi galakan dengan menceritakan akan kelebihan agama Islam seperti dalam surah al-Imran ayat:85 yang bermaksud “barang siapa memilih

selain daripada Islam sebagai agamanya, maka Allah tidak akan sesekali menerimanya dan di akhirat kelak akan termasuk dalam golongan orang yang rugi.” Seperti kata Arif;

“Jika Thip Lai hendak memeluk Islam sayalah orang yang akan menyokongnya. Sokongan saya sungguh kuat. Sebenarnya Thip Lai sudah mendapat hidayah daripada Allah. Orang lain itu hanya sebagai pendorong. Perasaan hendak memeluk Islam tentunya datang dari hati Thip Lai sendiri. Jika memeluk Islam berdasarkan paksaan, nescaya tidak akan kekal lama”’, jelas Arif (hlm. 207)

Sewaktu Thip Lai mendengar penerangan dan penjelasan Arif tentang keunggulan Islam dia menegaskan niatnya untuk memeluk Islam datang daripada hatinya sendiri dan tiada sesiapa yang memaksanya. Katanya dia telah lama berfikir dan merenung tentang bagaimana kejadian alam yang indah ini dan mengetahui kebesaran serta keagungan Allah daripada cerita rakan-rakan sebayanya. Akhirnya dia memeluk Islam di masjid Kampung Riak-Riak yang dilakukan oleh Pak Imam dan disaksikan oleh Tuk Kweng, Arif, Mahmud serta penduduk kampung yang lain. Dia memilih nama Latifah binti Abdullah seperti yang dicadangkan oleh Arif kerana nama itu bukan sahaja sedap di dengar tetapi juga membawa maksud lemah lembut yang sesuai dengan rupa paras dan kelembutan pada dirinya. Apa yang dilakukan oleh Thip Lai ini amat menepati kehendak ajaran Islam seperti dalam surah al-Imran ayat:19 yang menjelaskan “sesungguhnya Islam adalah agama yang diredhai Allah.” ‘Ad-din’ membawa maksud Islam adalah satu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh.

KESIMPULAN

Secara umumnya, pendekatan dakwah sesuai diterapkan dalam novel *Menjaras Ribut* yang menyentuh aspek keagamaan seperti soal kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam yang bertujuan mencari kebajikan dan kesejahteraan hidup. Situasi ini menunjukkan bahawa novel remaja mampu menjadi

alat untuk mengembangkan pematapan Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis melalui pendekatan dakwah yang memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam. Pendekatan ini juga mampu memberi kesan yang baik dalam aplikasinya terhadap novel ini kerana persoalan dan permasalahan yang dipaparkan bermatlamat untuk mempertingkatkan nilai keimanan, ketakwaan dan kecintaan insan kepada Allah serta mampu melahirkan golongan atau khalayak remaja yang mengamalkan nilai-nilai penghayatan Islam sebagai pegangan untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Pendekatan ini melibatkan sepenuhnya aspek pendakwaan yang membawa ke arah kebaikan dan kemajuan yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia menjadi Muslim yang berupaya memilih dan meletakkan dirinya sebagai insan bertakwa seiring dengan kehendak ajaran Islam. Akhirnya, pendekatan ini mampu menganalisis segala kenyataan dan fenomena remaja sama ada yang melibatkan hubungannya sesama manusia atau dengan alam persekitarannya.

RUJUKAN

- Afif Abd. Fatah Tabarah. 1986. *Berbagai Perspektif Islam*. Terj. Md. Akhir Hj. Yaakob. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Dusuki Hj. Ahmad. 1980. *Islam Di Malaysia Kebangkitan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur : Penerbitan Adabi.
- Elizabeth dan Burns. Peny. 1973. *Sociology of Literature and Drama*. Middlesex : Penguin Education.
- Encyclopedia Americana International Edition. 1994. USA : Glorier Incorporated.
- Ghazali Darussalam. 1997. *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.
- Harkavy, Michael D. 1996. Peny. The New Webster's International Encyclopedia. Florida : Trident Press International.
- Hasbi Ashshiddiqi. 1992. *Al-Quran dan Terjemahannya*. Medinah : Kadim al- Harramah Departmen dan Wakaf Saudi Arabia.
- Hashim Awang. 1991. "Melihat Munajat Di Perkebunan Menerusi Pendekatan Alamiah." *Dewan Sastera*, April, 82-83.

- Hashim Awang. 1992. "Suatu Kritikan daripada Pendekatan Firasat." *Dewan Sastera*, Februari, 66-68.
- Hashim Awang. 1993. "Menilai Hidayah dengan Pendekatan Dakwah." *Dewan Sastera*, November, 73-78.
- Hashim Awang. 1994a. "Metodologi Kesusasteraan Islam : Kaedah Penilaian." *Dewan Sastera*, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. 1994b. "Pengkajian Sastera : Pengkaedahan Melayu." Pengarang, Teks dan Khalayak. Dlm. Sahlan Mohd. Saman (pnyt.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 326-335.
- Hashim Awang. 1995. "*Metodologi Kesusasteraan Islam : Kaedah Penilaian.*" Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti. Dlm. S. Jaafar Husin (pnyt.) . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 30-45.
- Hassan Langgulong. 1981. *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara.
- Harun Arrasyid Haji Tuskan. 2006. *Menangani Konflik Emosi menurut Pandangan Islam*. Batu Caves, Selangor : Edusystem Sdn. Bhd.
- Ibrahim Mamat. 1997. *Memimpin Remaja Sekolah : Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Kementerian Penerangan Malaysia. 1987. *Dasar-dasar Baru Kerajaan*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Kementerian Penerangan Malaysia. 1987. *Rukunegara*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Khadijah Haidi Khalid. 1994. *Meneroka Alam Remaja*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Khatijah Abdul Hamid. 1987. "Perkaedahan Pengajaran Sastera : Satu Tinjauan dan Penilaian." *Seminar Bahasa dan Sastera Dalam Pendidikan Ke-3*. Kuala Lumpur, 7-9 April.
- Mohd. Jamil Mokmin. 1992. *Sejarah Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. 1982. *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 2008. *Permata di Rumput, Gilang Sastera Sebagai Ruang Bangsa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Fahmi. 1996. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Edisi Ke-8. Kota Baru : Pustaka Aman Press.

- Nor Hanani Hussin. 2007. *Membina Sukses Tanpa Stres*. Batu Caves, Selangor : Edusystem Sdn. Bhd.
- Nyoman Kutha Ratna, SU. 2004. *Teori, Metode dan Teknik Penelitian Sastera dari Strukturalisme hingga Postrukturalisme Perspektif Wacana Naratif*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar.
- Rahmat H. S. 1979. *Dari Adam Sampai Muhammad : Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*. Edisi Ke-2. Kota Baru : Pustaka Aman Press.
- Rogers. 1977. *The Psychology of Adolescence*. 3rd ed. New Jersey : Prentice Hall.
- Rudolph V. F. dan Kathelen S. 2006. *The Challenge of Effective Speaking* 13th ed. Belmont : Thomson Wadsworth.
- Scott. 1972. *Five Approaches of Literary Criticism*. New York : Collier Books.
- Seifert, Kelvin L. dan Hoffnung, J. 1987. *Child and Adolescent Development*. Boston : Houghton Mifflin.
- Shannon Ahmad. 1994. *Sastera : Pengalaman, Ilmu, Imajinasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sugihastuti. 2002. *Teori dan Apresiasi Sastera*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar.
- Talib Samat. 1992. *Menangani Penulisan Kreatif Sastera Remaja*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. 1989. *Sosiologi Sastera : Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Azmi Ramli. 1987. *Membina Keluarga Sejahtera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jumali Haji Selamat (Dr.)
Pusat Perkembangan Pelajar,
Aras 5, Bangunan PUSANIKA,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor. Malaysia.
Email : jumali @ukm.my

